



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

BH

Berita Harian



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan Sijil IMPAC kepada peserta Kursus Asas Penuaian Buah Sawit sempena Majlis Penganugerahan Sijil IMPAC Bil 2 di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu baru baru ini. Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah IMPAC, Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif IMPAC, Dr Chan Kook Weng (kanan).

MPOB mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan Ke- 55 kepada pembaca Berita Sawit

Eksport komoditi diramal cecah RM242.6b 2020

» Sumbangan konsisten kepada pendapatan negara

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Kota Kinabalu

Nilai eksport produk berasaskan komoditi utama negara yang terdiri dari minyak sawit, getah, kayu kayan, koko, lada, kenaf, tembakau dan sagu diramalkan mencecah RM242.6 bilion pada 2020, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Ramalan itu berdasarkan prestasi cemerlang dan peningkatan pendapatan sektor komoditi yang konsisten kepada pendapatan negara serta menjadi satu daripada tonggak utama ekonomi negara.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, 2011 eksport produk komoditi mencatat nilai RM141.2 bilion kepada pendapatan negara, meningkat 23.7 peratus berbanding RM114.2 bilion pada 2010.

Sasaran pendapatan itu selaras Dasar Komoditi Negara (DKN) di-

perkenalkan kerajaan khusus untuk mengembang dan meningkatkan daya saing sektor komoditi.

Pelbagai strategi dirangka

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penganugerahan Sijil Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) Bilangan 2 di Hotel Le Meridien, di sini, baru-baru ini.

Pada majlis itu, Tan Sri Bernard Dompok turut menyampaikan sijil kepada 96 peserta yang berjaya menamatkan kursus anjuran IMPAC. "Dasar berkenaan juga mensasarkan transformasi sektor komoditi negara kepada satu sektor yang lebih dinamik dan kompetitif menjelang 2020," katanya.

Bagi mencapai sasaran itu, katanya pelbagai strategi dirangka termasuk menjana pendapatan melalui pengeluaran produk nilai tambah berasaskan komoditi.

Sehubungan itu, beliau berkata, satu daripada teras DKN ialah membangun dan memperkasakan pembangunan modal insan. Sebab itu IMPAC ditubuhkan bagi melatih belia tempatan dalam pelbagai bidang khususnya yang berkaitan aktiviti perladangan, sekaligus mengurangkan pergan-

tungan kepada pekerja asing dalam sektor komoditi.

"Ini termasuklah kursus kemahiran penuaian buah sawit, asas teknologi penanaman koko, teknologi pengeluaran lada, keusahawanan coklat dan pembuatan perabot kayu kayan," katanya.

Selain latihan tenaga kerja sektor perladangan, beliau berkata, IMPAC turut menyediakan kursus bagi individu yang berminat menceburi diri mengusahakan tanaman komoditi atau produk berasaskan tanaman komoditi.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, IMPAC memperkenalkan Kursus Asas Penuaian Buah Sawit bagi melatih belia tempatan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak supaya berkecimpung dalam sektor perladangan sawit.

Selain itu Kursus Pembangunan Keusahawanan Coklat Buitan Tangan antara usaha melahirkan usahawan coklat dan Kursus Asas Penanaman Kenaf untuk penanam kenaf.

Turut hadir Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, Datuk Ewon Ebin; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua Pegawai Eksekutif IMPAC, Dr Chan Kook Weng.

FAKTA NOMBOR

RM141.2 bilion

Sumbangan eksport produk komoditi 2011 kepada pendapatan negara



Pengumuman PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT 2012

10-11 September 2012
Hotel Promenade,
Kota Kinabalu, Sabah

Dirasmikan Oleh:

Y.B. Tan Sri Bernard Giluk Dompok
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia



OBJEKTIF

- Menyampaikan teknologi baru berkaitan penanaman sawit dan perkembangan terkini dalam industri sawit.
- Menyuntik semangat kepada pekebun kecil, agen pembangunan, pegawai agensi dan individu yang terlibat dalam industri sawit sebagai penggerak transformasi sawit negara.
- Menyediakan ruang berinteraksi, pertukaran idea dan pengalaman di kalangan peserta seminar.

SIAPA YANG PATUT HADIR

Warganegara Malaysia yang terdiri daripada:

- Pekebun kecil individu
- Pekebun kecil tersusun di bawah agensi pertanian kerajaan
- Pengusaha estet sederhana
- Peniaga sawit
- Pengurus / Penyelia estet mini agensi
- Pembekal input pertanian
- Ahli akademik
- Penuntut universiti
- Pegawai Pengembangan dan
- Mereka yang berminat dengan industri sawit

YURAN PENDAFTARAN

RM350.00 termasuk bahan persidangan, makan dan minum sepanjang persidangan.

PERTANYAAN

Pendaftaran Persidangan
Norhaliza Kasmuri / Solmah Hussin
Tel: 03-8769 4570 / 03-8769 4873
Faks: 03-8925 7549 / 03-8926 1202
Emel: eija@mpob.gov.my
salma@mpob.gov.my

Teknikal
Hamdan Abu Bakar
Tel: 03-8769 4551
Faks: 03-8922 3119
Emel: hamdan@mpob.gov.my

Pendaftaran Pameran
Che Johari Mamat
Tel: 03-8769 4583
Faks: 03-8926 1337
Emel: mjohari@mpob.gov.my

Khairuman Hashim
Tel: 03-8769 4984
Faks: 03-8922 3119
Emel: nuthanani@mpob.gov.my

Nur Hanani Mansor
Tel: 03-8769 4257
Faks: 03-8925 9642
Emel: nurhanani@mpob.gov.my

" Penggerak Transformasi Sawit Negara "

Program B5 dilaksanakan di Wilayah Tengah Semenanjung meliputi Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor. Sehingga kini, semua sektor subsidi termasuk semua stesen minyak, sektor perikanan dan skid tank di negeri-negeri ini membekalkan adunan lima peratus biodiesel sawit dalam diesel petroleum atau lebih dikenali sebagai B5 kepada pengguna. MPOB sentiasa memantau kualiti B5 untuk memastikan kepuasan pengguna. Sehingga kini, tiada masalah berkenaan B5 atau enjin dilaporkan.

Pelaksanaan program ini mendatangkan banyak faedah kepada negara secara amnya dan industri sawit secara khususnya. Biobahan api sawit ini adalah tenaga boleh diperbaharui yang mampan. Ini adalah kerana biobahan api sawit ini diproses daripada minyak sawit Malaysia yang dihasilkan dengan mengamalkan amalan-amalan yang mampan dan mesra alam. Biobahan api berasaskan sawit juga dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau berbanding dengan diesel petroleum. Oleh itu, program ini dapat menyumbang terhadap mitigasi pemanasan global dan perubahan iklim.

Pelaksanaan Program B5 juga selaras komitmen Kerajaan yang diumumkan di Persidangan Parti-Parti ke-15 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Copenhagen, Denmark pada 2009 iaitu Malaysia adalah komited secara sukarela untuk mengurangkan paras intensiti pelepasan karbon berdasarkan GDP sehingga 40 peratus menjelang tahun 2020 berbanding paras tahun 2005. Dalam hal ini, pelaksanaan Program B5 di seluruh negara dijangka dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida setara sebanyak 1.5 juta tan setahun.

Penggunaan minyak sawit dalam program B5 dapat memperkukuh dan menstabilkan harga minyak sawit kerana menambahkan permintaan untuk minyak sawit. Pelaksanaan Program B5 di Wilayah Tengah menambahkan permintaan minyak sawit melebihi 100,000 tan setahun; dan apabila program ini dilaksanakan di seluruh negara kelak, permintaan dijangka naik ke 500,000 tan setahun. Penstabilan harga minyak sawit ini dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan mengekalkan industri sawit sebagai salah satu tonggak utama ekonomi negara. Semua golongan industri sawit akan mendapatkan manfaat daripada harga sawit yang lebih tinggi dan kukuh terutamanya pekebun kecil.

Kerajaan bersetuju meluaskan pelaksanaan Program B5 ke seluruh negara secara berperingkat dan mensasarkan pelaksanaan sepenuhnya menjelang bulan Julai 2014. Dalam hal ini, MPOB bekerjasama dengan syarikat-syarikat petroleum dan pengeluar biodiesel sawit dalam merancang dan melaksanakan program ini mengikut jadual. Kerajaan juga bersetuju membiayai kos pembinaan kemudahan adunan inline di depoh dan terminal syarikat petroleum di seluruh negara.

Penggunaan biobahan api berasaskan sawit juga adalah salah satu usaha untuk membangunkan aktiviti hiliran tambah nilai berasaskan sawit bagi menjana penambahan pendapatan industri sawit. MPOB menjalankan penyelidikan untuk penghasilan produk tambah nilai berasaskan pengeluaran biodiesel sawit bagi meningkatkan daya saing industri biodiesel sawit negara. MPOB membangunkan teknologi-teknologi penghasilan produk-produk seperti fitonutrien (karotena, vitamin E, dan lain-lain) dan oleokimia daripada biodiesel sawit (ester metil sawit). MPOB sentiasa berusaha memastikan kejayaan Program B5 bagi pembangunan industri sawit yang berdaya saing dan berdaya maju.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB



Tan Sri Bernard Dompok bersama Timbalannya, Dato' Hamzah Zainudin (dua dari kanan) dan Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim (dua dari kiri) mengibarkan Jalur Gemilang sempena Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan Ke-55, Peringkat Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, baru-baru ini.

Tingkat kuota eksport untuk kebaikan industri

» *Peningkatan kuota eksport 2 juta tan MSM tanpa cukai*

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

► Putrajaya

Langkah sementara Kerajaan meningkatkan kuota eksport minyak sawit mentah tanpa cukai sebanyak dua juta tan lagi adalah untuk kebaikan industri sawit keseluruhan, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Langkah ini adalah untuk memastikan stok minyak sawit negara tidak meningkat dan pada masa sama untuk mengelakkan harga komoditi itu mengalami kejatuhan yang akan merugikan semua pihak dalam industri termasuk pekebun kecil, penanam sawit, peniaga, pengilang, penapis dan pengeksport.

Tan Sri Bernard Dompok berkata

demikian sewaktu Majlis Pelancaran Jalur Gemilang sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) baru-baru ini.

Beliau berkata, tindakan dan keputusan ini adalah untuk kebaikan semua yang terbabit dalam industri sawit selepas rundingan dengan pihak Kerajaan Indonesia gagal mengubah keputusan yang dibuat oleh mereka menurunkan cukai eksport minyak sawit kepada 8 peratus.

Beri kesan negatif

"Cukai eksport rendah minyak sawit Indonesia itu sudah tentu akan memberi kesan kemerosotan kepada eksport minyak sawit negara, sekali gus akan meningkatkan jumlah stok simpanan yang akan menjadi faktor kepada kejatuhan harga komoditi berkenaan," katanya.

Beliau berkata, melalui langkah sementara itu, kuota eksport minyak sawit tanpa cukai akan ditambah 2 juta tan lagi kepada 5.5 juta tan atau lebih kurang 30 peratus daripada pengeluaran minyak sawit negara.

"Melalui langkah itu, pengeksportan minyak sawit negara akan terus dapat dilakukan tanpa merasai ke-

san cukai eksport Kerajaan Indonesia.

"Pada 2011, sejumlah 3.47 juta tan minyak sawit telah dieksport ke 27 negara pembeli di bawah kuota tanpa cukai ini dan melalui keputusan ini juga, Kerajaan bersedia menanggung kerugian lebih kurang RM4 bilion dalam kutipan cukai," katanya.

Turun cukai eksport

Tan Sri Bernard Dompok berkata, beliau memahami rungutan dan rasa tidak puas hati pihak industri yang disampaikan melalui Persatuan Kilang-Kilang Penapis Malaysia (PORAM) yang mencadangkan supaya Kerajaan juga menurunkan cukai eksport minyak sawit kepada 8 peratus daripada 23 peratus yang ditetapkan masa kini supaya setanding dengan Indonesia.

"Langkah sementara itu adalah keputusan yang terbaik dibuat oleh MPIC dan merupakan 'Situasi Menang-Menang' kepada semua pihak yang terbabit dalam industri sawit negara," katanya.

Turut hadir Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

IMPAC perkasakan sumber manusia

Kota Kinabalu: Penubuhan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) adalah bagi memperkasakan sumber manusia sektor perladangan komoditi.

Ketua Pengarah MPOB, merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah IMPAC, Datuk Dr Choo Yuen May, berkata demikian sewaktu berucap pada Majlis Penganugerahan Sijil IMPAC di Hotel Le Meridien di sini, baru-baru ini. Majlis

dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Pada majlis itu, seramai 96 peserta menyertai 9 kursus ditawarkan IMPAC berjaya menamatkan pengajian dan dianugerahkan sijil oleh Tan Sri Bernard Dompok.

Tujuan penubuhan

Beliau berkata, tujuan IMPAC yang ditubuhkan pada 4 November 2010 adalah untuk melatih dan melahirkan tenaga kerja mahir serta ber-

pengetahuan yang mencukupi dan kompeten dalam industri komoditi negara.

"Untuk mencapai hasrat itu, IMPAC menggariskan beberapa strategi penting seperti bekerjasama dengan pihak industri dalam merangka kurikulum kursus agar pengajian dan latihan yang disampaikan memenuhi kehendak industri.

Kilang, peniaga dilarang beli buah sawit muda

» Pelaksanaan syarat larangan kepada pekebun kecil dan estet ditangguh

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Bangi

Kilang dan Peniaga Buah Sawit dilarang membeli buah sawit muda dan penguatkuasaan bagi aktiviti ini dilaksanakan mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan Pelesenan MPOB (2005) di bawah Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Akta 582, kata Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir

INFO

Keluasan tanaman dan pengeluaran buah sawit 2011

WILAYAH	KELUASAN (Ha)	PENGELUARAN BUAH SAWIT (Tan Metrik)
⊕ Utara	482,819	11,991,171
⊕ Tengah	351,597	7,043,642
⊕ Timur	991,199	17,805,198
⊕ Selatan	721,145	15,494,981
⊕ Sarawak	1,021,587	13,119,147
⊕ Sabah	1,431,762	28,361,233
JUMLAH	5,000,109	93,815,372

Abdul Samad.

Beliau berkata demikian pada Majlis Dialog dengan 18 orang wakil Persatuan Pekebun-Pekebun Kecil Daerah Hilir Perak, di Ibu Pejabat MPOB, baru-baru ini.

Pekebun kecil, estet ditangguhkan

Namun begitu, beliau juga memaklumkan penguatkuasaan syarat larangan kepada pekebun kecil dan estet menjual buah sawit muda yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2012 lalu ditangguhkan pelaksanaannya.

"Kita peka dan prihatin ke atas masalah yang dihadapi pekebun kecil dan penanam sawit dalam perkara itu.

"Walau bagaimanapun, pekebun kecil dinasihatkan supaya menuai dan menjual buah sawit yang masak dan berkualiti saja kepada kilang dan peniaga bagi mendapat harga yang berpatutan dan pada masa sama pihak kilang berupaya memperoleh kadar perahan minyak (KPM) yang tinggi.

"Ini selaras Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah Projek Permulaan (EPP4) yang menyasarkan KPM sebanyak 23 peratus pada tahun 2020," katanya.

Tan Sri Shahrir juga menjelaskan MPOB tidak mempunyai kuasa untuk mencampuri urusan perniagaan terutama membabitkan harga buah sawit.

"Dalam sistem pasaran bebas yang diamalkan Malaysia, harga buah sawit ditentukan faktor penawaran dan permintaan. Pekebun sebagai pembekal buah sawit digalakkan menggunakan kuasa penawaran untuk membandingkan harga ditawarkan pembeli.

"MPOB mengeluarkan harga sebagai panduan saja untuk pekebun menjadikan rujukan semasa mengurus niaga dengan pembeli," katanya.

Dalam kes kecurian buah sawit pula, ia adalah kesalahan di bawah Seksyen 379, Kanun Keseksaan yang penguatkuasaannya adalah di bawah bidang kuasa Polis Di Raja Malaysia (PDRM).

Lapor polis jika ada kecurian

Tan Sri Shahrir menasihatkan pekebun kecil supaya sebarang kes membabitkan kecurian buah sawit perlu dilaporkan kepada PDRM untuk tindakan lanjut.

"Namun begitu, MPOB akan sentiasa bekerjasama dengan PDRM menjalankan operasi bersama bagi menangani masalah kecurian buah sawit," katanya.

Sehingga bulan Jun 2012, MPOB berjaya menahan enam suspek yang terbabit dalam kes kecurian buah sawit di Hilir Perak dan menyita 2 buah lori, 11.18 metrik tan buah sawit yang bernilai RM56,000.

"Selain itu sebanyak 5 kompaun bernilai RM10,000 dikenakan ke atas peniaga yang didapati membeli buah sawit daripada pembekal yang tidak mempunyai lesen," katanya.

Tan Sri Shahrir mengingatkan pekebun kecil dan estet supaya sentiasa mematuhi syarat lesen



"MPOB keluarkan harga sebagai rujukan untuk pekebun kecil mengurusniaga dengan pembeli"

Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB

ditetapkan iaitu, pemegang lesen tidak dibenarkan menjual buah sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli buah sawit.

Pemegang lesen juga hanya dibenarkan untuk menjual dan mengalih buah sawit daripada kebun atau estet yang sudah diserahkan kepadanya saja.

Bagi estet, mereka disyaratkan supaya mengemukakan penyata bulanan yang lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak lewat daripada 7 hari bulanan pada bulan berikutnya.

Turut hadir, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May; Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), Dr Ahmad Kushairi Din; Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) Ahmad Sidek Stroo dan Pengarah Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan, Muslim Imam Amat Samsudin.

KURSUS KEMAHIRAN MENGGRED BUAH SAWIT

Orang ramai terutama pengusaha yang terlibat dengan pengeluaran, penjualan, pengalihan, pembelian dan pengilangan buah sawit seluruh negara di pelawa untuk menyertai kursus tersebut di atas yang akan diadakan seperti di bawah:

OKLAH KURSUS

- Memberi pendedahan kaedah penggredan mengikut piawaian Manual Penggredan Buah Sawit MPOB.
- Menepati kemahiran penggredan meliputi aspek teknikal, komersial dan falsafah penggredan buah sawit.
- Meningkatkan pengetahuan amalan pertanian baik bagi menghasilkan buah sawit berkualiti.
- Mencapai visi meningkatkan kadar perahan minyak (OER) dan kecukupan pengilangan buah sawit.
- Melatih dan meningkatkan kemahiran penggred buah sawit kepada mereka yang terlibat dengan pengeluaran, perdagangan dan pengilangan komoditi tersebut.

SIAPA PATUT HADIR

- Pengurus, Penyelia dan Penggred Buah Kilang/Peniaga/Ladang Sawit
- Pekebun Kecil Sawit.
- Orang ramai yang berminat.

SYARAT PENYERTAAN

- Warganegara Malaysia
- Boleh menulis dan membaca
- Sihat tubuh badan
- Umur tidak kurang dari 18 tahun
- Memiliki Sijil SRP/PMS dan sekurang-kurangnya berpengalaman 1 tahun dalam urusan niaga buah sawit.
- Lulus dan tidak buta warna.

KANDUNGAN KURSUS

Syarah dan latihan semasa kursus akan disampaikan oleh penyarah, jurulatih dan pakar berkelayakan dalam tajuk-tajuk berkaitan. Bahasa pengantar adalah Bahasa Malaysia.

Tajuk kursus adalah:

- Penilaian buah sawit
- Kualiti buah sawit dan Kadar Perahan Minyak (OER)
- Penggredan Tandan Buah Sawit MPOB.
- Latihan amali pengenalan, menggred tandan dan demonstrasi menggred konsignasi tandan buah sawit.

YURAN PENYERTAAN

RM500.00 (Ringgit Malaysia lima ratus sahaja). Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek atau bank draft atau kiriman wang pos atas nama KETUA PENGARAH MPOB.

Wilayah Utara 18 - 20 September 2012

Wilayah Selatan 1 - 3 Oktober 2012

BARANG PERMOHONAN

Pemohon hendaklah mengisi barang permohonan yang boleh didapati di laman web MPOB www.mpob.gov.my.

PERTANYAAN

Untuk mendapatkan barang penyertaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:

- Pn Siti Raihanah
No. Tel : 03-87694865
Faks : 03-89257549
E-mel : raihanah@mpob.gov.my
- Norazman Mohd Yab
No. Tel : 03-87694874
Faks : 03-89257549
E-mel : azman@mpob.gov.my

MPOB

IMPAC kawal kebanjiran tenaga kerja asing

Dari muka 2

"IMPAC juga akan bekerjasama dengan industri atau syarikat perladangan dalam menyediakan penempatan sewaktu tempoh praktikal pelatih.

"Kerjasama sebegini perlu diteruskan supaya hasrat Kerajaan mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing dapat dicapai," katanya.

"IMPAC akan berusaha mengawal dan mengurangkan kebanjiran tenaga kerja warga asing ini kerana ia bukan saja boleh menimbulkan gejala sosial yang tidak sihat di ladang malah menyebabkan kerugian dari aspek ekonomi menerusi

pengaliran keluar wang negara," katanya.

Datuk Dr Choo berkata, IMPAC akan memastikan peserta yang tamat latihan mempunyai kemahiran dalam bidang latihan yang diikuti dan mempunyai nilai-nilai dan sikap yang positif di dalam diri peserta.

Peserta dilatih disiplinkan diri

"Peserta dilatih untuk mendisiplinkan diri dan menepati masa sepanjang tempoh latihan dijalankan."

"Setakat ini, maklum balas daripada pihak industri mendapati peserta sangat berdisiplin, menepati masa, bersedia untuk belajar dan berupaya melaksanakan tugas dengan baik," je-

lasnya.

Beliau berkata, bagi merealisasikan hasrat itu, IMPAC akan memastikan penyelarasan dilakukan dengan cara sebaik mungkin melalui mengoptimalkan penggunaan semua sumber berkaitan latihan di dalam enam agensi di bawah MPIC, iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (LLM) dan Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKNF).

Turut hadir pada majlis itu Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, Datuk Ewon Ebin dan Ketua Pegawai Eksekutif IMPAC, Dr Chan Kook Weng.

Sepintas

Pengeluaran minyak sawit mampan

Bagi memastikan objektif pengeluaran minyak sawit mampan tercapai, MPOB mengadakan kempen pensijilan kebun kecil milik pekebun kecil sawit. Pensijilan ini meliputi piawaian Amalan Pertanian Baik, Kod Amalan Baik MPOB dan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Roundtable on Sustainable Palm oil (RSPO) kata Menteri Perusahaan Peladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok ketika merasmikan Majlis Kempen Pensijilan Pekebun Kecil Sawit Daerah Keningau, Sabah baru-baru ini. Kempen ini memberi pendedahan kepada pekebun kecil mengenai pengeluaran minyak sawit mampan bagi memenuhi permintaan pengguna.

Dasar Komoditi 2011-2020

Bagi mentransformasi industri komoditi negara termasuk industri sawit, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) menggubal Dasar Komoditi Negara 2011-2020 yang menetapkan hala tuju pembangunan bagi tujuan memperkasakan peranan serta sumbangan industri komoditi kepada pembangunan ekonomi negara, kata Tan Sri Bernard Dompok sewaktu merasmikan Majlis Penganugerahan Sijil IMPAC di Kota Kinabalu, Sabah baru-baru ini. Dalam konteks pembangunan industri sawit, tumpuan khusus membabitkan usaha memperkukuhkan sektor pekebun kecil melalui penubuhan koperasi dan aplikasi Amalan Pertanian Baik untuk meningkatkan produktiviti.

Industri Sawit berkembang pesat

Kemajuan industri sawit yang memberangsangkan memberi sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi negara. Pada tahun 2011, keluasan tanaman sawit negara mencecah 5 juta hektar meliputi 73.2 peratus kawasan tanah pertanian negara. Sabah mempunyai keluasan terbesar iaitu 1.43 juta hektar. Daripada

nya adalah di bawah sektor pekebun kecil yang terdiri dari pekebun kecil persendirian dan kelolaan agensi Kerajaan. Negara juga mencatat pendapatan eksport yang tertinggi pada 2011, iaitu RM83.4 bilion, peningkatan 34 peratus berbanding RM62.2 bilion tahun sebelumnya. Seajar dengan itu, unjuran purata pendapatan tahunan pekebun kecil juga dijangka meningkat 47 peratus daripada RM4,794 sehektar tahun 2010 kepada RM7,047 sehektar menjelang 2020.

RM5.3 juta untuk SKIDIC

Menyedari potensi penggunaan mesin penuai buah sawit bermotor (CANTAS) berupaya mengurangkan penggunaan tenaga kerja, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menyediakan Skim Diskaun CANTAS kepada penanam sawit dan pekebun kecil bagi menggalakkan penggunaan CANTAS, kata Tan Sri Bernard Dompok sewaktu merasmikan Majlis Kempen Pensijilan Pekebun Kecil di Ranau, Sabah baru-baru ini. Sebanyak RM5.3 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan skim ini dengan bantuan RM1,000 bagi setiap unit pembelian CANTAS oleh pekebun kecil. Penggunaan mesin CANTAS terbukti berupaya meningkatkan produktiviti tenaga kerja dan kecekapan kerja penuaian buah sawit dengan peningkatan produktiviti tuaian hampir dua kali ganda iaitu daripada 1.8 tan kepada 3.2 tan tandan bagi seorang pekerja sehari berbanding penuaian secara manual.

Minyak Sawit sumbang RM5.12b

Minyak sawit menyumbang sebanyak RM5.12 bilion kepada jumlah dagangan Malaysia yang berjumlah RM112.75 bilion bagi dagangan bulan Jun 2012 mengikut sumber Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). MITI berkata, produk dan nilai eksport utama bagi bulan Jun 2012 adalah produk elektrik dan elektronik (RM20.46 bilion) diikuti oleh minyak sawit (RM5.12 bilion), gas asli cecair (RM4.7 bilion), produk petroleum bertapis (RM4.24 bilion) dan produk/bahan kimia (RM4.05 bilion). Jumlah dagangan itu meningkat 4.6 peratus berbanding bulan sama tahun lalu.

Sawit Merah berpotensi di India

Minyak sawit merah yang mengandungi karotin provitamin A adalah satu daripada banyak produk yang boleh diperkenalkan di India. Minyak sawit merah ini boleh menjadi sumber Vitamin A yang baik bagi India yang mempunyai insiden kebutaan malam yang tinggi, kata Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May. Selain minyak sawit merah, antara produk lain yang berpotensi besar diperkenalkan ke pasaran India adalah pati sawit bagi penggunaan dalam industri makanan dan fitonutrien sawit seperti tokotrienol bagi makanan tambahan kesihatan, katanya pada hari akhir Seminar Perdagangan Sawit (POTS) India 2012 di Mumbai, India baru-baru ini. **BERNAMA**

MPOB, SOPPOA jalin kerjasama

Persatuan Pemilik Ladang Kelapa Sawit Sarawak (SOPPOA) akan bekerjasama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk menjalankan penyelidikan kulat ganoderma yang menyebabkan penyakit Reput Pangkal Batang (RPB) kepada pokok sawit, kata Setiausahaanya Philip Ho di sini baru-baru ini. Menurut beliau, kulat ganoderma kini mula menyerang ladang sawit di negeri ini. Ia adalah ancaman menyebabkan penyakit RPB yang memendekkan jangka hayat pokok sawit dan pada masa yang sama mengeluarkan hasil buah yang kurang. SOPPOA akan menyediakan prasarana sementara MPOB mempunyai dana dan kepakaran untuk tujuan itu. **BERNAMA**

Sukar dapat bahan mentah Biomas

Pengarah Zara Development Resources Sdn Bhd, Zaharah Taib yang terbabit dalam industri penjaan tenaga elektrik menggunakan biomas berkata, industri biomas tempatan kini berdepan kesukaran memperoleh sumber bahan mentah sisa sawit, terutama tandan kosong sawit susulan kecenderungan pengilang mengeksportnya keluar negara. Katanya, menyedari potensi industri biomas itu, tandan sawit yang satu ketika dulu tidak mempunyai nilai langsung dan dibuang oleh peladang, kini menjadi rebutan di luar negara selepas diproses menjadi pelet dan briket untuk dijadikan sumber tenaga. Harganya turut meningkat dari RM5 satu tan kepada RM30 satu tan masa kini. **BERNAMA**

13 peratus tanaman sawit di tanah gambut

Keluasan tanah gambut di Malaysia dianggarkan 2.6 juta hektar iaitu meliputi 8 peratus dari jumlah keluasan tanah Malaysia. Di Sarawak saja, keluasanya dianggarkan melebihi 1.6 juta hektar iaitu meliputi hampir 13 peratus jumlah keluasan tanah Sarawak. Kekurangan tanah sesuai serta potensi hasil tinggi menyebabkan tanah gambut menjadi pilihan kepada pihak industri penanam sawit. Sehingga 2009, hampir 25 peratus kawasan tanah gambut dibangunkan dengan tanaman sawit, dalam erti kata lain, 13 peratus keluasan tanaman sawit di Malaysia adalah di tanah gambut kata Penyelidik MPOB, Hasnol Othman dalam kertas kerjanya bertajuk Mucuna Bracteata: Tanaman Kekacang Penutup Bumi Terbaik Di Tanah Gambut. Pada tahun 1960-an, usa-

ha penanaman sawit di tanah gambut menghadapi kegagalan dengan pengeluaran hasil BTS rendah iaitu kurang 15 tan/hektar setahun serta tempoh hayat ekonomik kurang 15 tahun. Usaha penyelidikan oleh pelbagai pihak telah mengenal pasti teknologi sesuai bagi meningkatkan pengeluaran hasil sawit di tanah gambut terutama di tanah gambut dalam.

FELCRA sasar tanam sawit 200,000 hektar

FELCRA Berhad mensasarkan untuk membangunkan seluas 100,000 hingga 200,000 hektar tanah untuk perladangan sawit di Sarawak sebagai sebahagian pelan peluasan, kata Pengerusinya Datuk Tajuddin Abdul Rahman. Katanya, perladangan adalah pelaburan yang besar. Ia adalah tugas yang sangat mencabar, namun FELCRA mempunyai pengalaman melebihi 40 tahun dalam bidang ini. FELCRA akan terus memberi tumpuan terhadap usaha membantu penduduk luar bandar menerusi program sosio ekonomi dan pembangunan tanah. Setakat ini, FELCRA sudah memajukan 51,000 hektar tanah, membabitkan 16,000 peserta projek di Sarawak dan menjana dividen berjumlah RM154 juta.

First Announcement

5th NATIONAL SEMINAR ON OIL PALM MECHANISATION

PalmMech 2012

ACCELERATING MECHANISATION FOR HIGHER PRODUCTIVITY

23 - 24 October 2012 | Putrajaya Marriott Hotel Putrajaya

Organised by MALAYSIAN PALM OIL BOARD Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia www.mpo.gov.my

All Cosmos teraju guna teknologi hijau

» Produk biojisim dapat permintaan tinggi, panjang hayat tanah dan tingkatkan hasil

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Bangi

Sebelum ini, bahan sisa (biojisim) sawit dari ladang dan kilang sawit tidak mendapat permintaan, malah ladang dan kilang sawit sanggup membayar dengan menggunakan pihak ketiga untuk melupuskannya. Sejak kebelakangan ini permintaan produk biojisim mendapat permintaan tinggi oleh syarikat untuk menghasilkan teknologi dan produk hijau yang mesra alam.

Penggunaan biojisim membantu memanjangkan hayat tanah untuk penanaman dan menggalakkan pertumbuhan tanaman untuk menjadi lebih sihat, hasilnya memberi manfaat kepada mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif, Syarikat All Cosmos Industries Sdn Bhd (All Cosmos), Datuk Tony Peng Shih, berkata demikian ke-

tika dihubungi melalui telefon oleh penulis Berita Sawit mengenai "Biofertiliser Hendersonia GanoEF" (GanoEF) yang dihasilkan syarikat itu dengan bantuan dan kerjasama khidmat kepakaran MPOB.

Baja GanoEF diperkenalkan kepada pasaran melalui pelancarannya oleh Menteri Perumahan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok pada Perasmian Seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2012 pada bulan Jun 2012 lalu.

Pelancaran baja hijau itu turut disaksikan Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad; Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, M.Nagarajan dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May

Datuk Tony berkata, All Cosmos ingin merebut peluang ini untuk menjadi peneraju dalam menghasilkan teknologi baja hijau yang memberi bermanfaat kepada petani termasuklah penanam dan pekebun kecil sawit.

Subur tanah

Baja GanoEF ini adalah baja '4 dalam 1' yang mengandungi Hendersonia (endophytic fungus), nutrien bermanfaat, bahan organik dan mikro organisma bermanfaat (EM) yang berupaya menyuburkan tanah dan membantu pertumbuhan pembesaran pokok sawit secara berkesan.

Beliau berkata, kajian terbukti



Tan Sri Bernard Dompok melancarkan 'Biofertiliser Hendersonia GanoEF' selepas majlis perasmian Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) 2012 baru-baru ini. Turut kelihatan Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad (kiri), Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, M.Nagarajan (kanan) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan) dan Ketua Eksekutif syarikat All Cosmos Industries Sdn Bhd, Datuk Tony Peng Shih Hao (tiga dari kanan).

Baja GanoEF ini adalah baja '4 dalam 1' yang mengandungi Hendersonia (endophytic fungus), nutrien bermanfaat, bahan organik dan mikro organisma bermanfaat (EM) yang berupaya menyuburkan tanah dan membantu pertumbuhan pembesaran pokok sawit secara berkesan"

Tony Peng Shih,
Ketua Pegawai Eksekutif All Cosmos Industries Sdn Bhd

dengan kandungan kulat Hendersonia dalam baja ini berupaya mengawal dan mengurangkan kehadiran kulat Ganoderma yang menyebabkan penyakit Reput Pangkal Batang (RPB) kepada pokok sawit.

Selain itu ciri kebaikan lain baja ini adalah berupaya meningkatkan kadar pertumbuhan anak benih sawit di samping kadar larut resap nutrien yang rendah ketika hujan serta bahan organiknya berupaya memperbaiki struktur tanah.

"Aktiviti penyelidikan adalah nadi pembangunan syarikat dan dianggap keutamaan kepada All Cosmos. Kami adalah yang pertama menghasilkan baja menggunakan teknologi hijau melalui campuran 'mikroorganisma bermanfaat' (EM) di Malaysia", katanya.

Beliau percaya syarikat itu memainkan peranan penting dalam meneraju menggunakan teknologi hijau yang mesra alam yang digunakan di kebanyakan negara maju bagi menghasilkan produk pertanian secara mampan.

All Cosmos menggunakan kira-kira 50,000 tan setahun produk biojisim. Sumber produk biojisim diperoleh melalui kontrak kekal dengan pembekal luar dan dalam negara.

Tingkat produktiviti

Beliau menambah pembekalan baja kepada pekebun kecil dan estet sawit serta pelbagai tanaman komoditi memberi peluang kepada All Cosmos menyumbang terhadap peningkatan produktiviti pertanian terutama komoditi sawit.

Kini, sebahagian besar permintaan untuk baja All Cosmos adalah dari negara Indonesia dan Vietnam.

Kedua-dua negara ini mempunyai keluasan tanah pertanian yang luas digunakan untuk tana-

man bagi pengeluaran makanan.

Permintaan baja di negara-negara Asia semakin kian berkembang selaras dengan peningkatan kawasan penanaman sawit terutama di Indonesia dan Thailand.

All Cosmos akan terus memainkan peranan membantu petani dengan memastikan bekalan dan edaran baja secara konsisten kepada petani yang memerlukannya.

All Cosmos juga adalah syarikat pengeluar Baja MPOB F4 hasil penyelidikan MPOB.



Pekerja syarikat All Cosmos mengisi baja MPOB F4 untuk dipasarkan.



SKIM DISKAUN CANTAS™ (SKIDIC)

MPOB



JIMAT RM1000!!!

Untuk setiap unit pembelian Pemotong Sawit Bermotor (Cantas™)

KEGUNAAN CANTAS™

Urutk menuai tandan dan memotong pelipah sawit serta terbukti amat berkesan meningkatkan keberkesanan penanaman.

KEBAIKAN CANTAS™

- Pantas - masa bekerja yang cepat, dapat memuai lebih banyak tandan sawit dan boleh melakukan kerja-kerja lain serentak
- Jimat tenaga - tidak melelahkan dan dapat menanggung masa bekerja
- Mudah - mampu dikenalkan oleh warga dan warga emas
- Bergaya - boleh menarik minat anak muda untuk bekerja di ladang sawit
- Meningkatkan produktiviti penanaman
- Meningkatkan pendapatan bagi yang mengendali upah perantara
- Boleh menjadi kontraktor mengendali upah menuai di kebun orang lain

SIAPA YANG LAYAK?

1. Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap
2. a. Bagi pekebun kecil perantara yang memuai kebun sendiri, minimum keluasan penanaman adalah 2ha.
b. Bagi peniaga mengendali upah/pemagang memuai di kebun orang, minimum keluasan pekebun kecil dengan jumlah keluasan minimum adalah 20ha atau memuai di kebun sawit yang memuai oleh tidak kurang 10 pekebun kecil atau keluasan yang bersamaan bergantung kepada persekitaran, lokasi dan topografi atau lebih-lebih lagi yang dipulaukan oleh MPOB. Bagi ladang sawit intensif, jumlah keluasan minimum adalah 50ha @ 1 unit Cantas™
3. Lot lot yang diluluskan oleh MPOB (kecuali penaja rancangan terancang)

BAGAIMANA MEMOHON?

Permohonan melalui borang boleh dibuat melalui Pegawai TUNAS di kawasan anda

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI

Shellyza Mond Lohak Tel: 03-87694549
Siti Zulakha Md Zali Tel: 03-87694252
Faks: 03-89259446

[lawati www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

TUNGGU APA LAGI ?!!
SIAPA CEPAT DIA DAPAT

Lampirkan Borang Permohonan, Pasport, Persekitaran, dan Rancangan



Lembangan Kinabatangan masih menjadi habitat kekal monyet proboscis.



Tanaman sawit di tepi Sungai Kinabatangan.

Ladang sawit jana ekonomi penduduk sekitar Sungai Kinabatangan

» MPOB pastikan operasi patuhi keperluan persekitaran, tak mengganggu habitat hidupan liar

Oleh Azran Jaffar
azran@bharuan.com.my

DENGAN panjang 560 kilometer dan mengunjur dari bahagian tengah ke timur Sabah serta berakhir di Laut Sulu, Sungai Kinabatangan, sungai terpanjang di Sabah dan kedua terpanjang di Malaysia, menyimpan pelbagai khazanah alam.

Dari hidupan liar yang menguni sepanjang daratan lembangan sungai berkenaan, termasuk yang memenuhi di dalamnya, juga manusia yang masih menjadikan sungai sebagai sebahagian

daripada kehidupan, Sungai Kinabatangan adalah nyawa kepada mereka yang berada di persekitarannya.

Sungai ini juga menjadi penting kepada kegiatan pertanian yang berlangsung di sekitarnya dan ini termasuk ladang sawit yang banyak dibuka yang bukan saja membentuk landskap baru di pesisir Sungai Kinabatangan malah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri sekali gus membentuk peluang pekerjaan kepada penduduk.

Kehadiran ladang sawit di persekitaran Sungai Kinabatangan dilihat penting kepada penduduk kerana ia membantu kepada pembangunan kawasan ini terutama dari segi infrastruktur yang membuka peluang kepada lebih banyak aktiviti meningkatkan pendapatan dilakukannya.

Sungguhpun pihak yang terlibat dalam industri sawit di sini berusaha memastikan kegiatan pertanian komoditi ini dilaksanakan secara mampan, banyak kritikan dilontarkan beberapa pihak terutama badan bukan kerajaan (NGO) terhadap pembukaan ladang sawit di Lembangan Kinabatangan yang dikatakan menyumbang kepada kepupusan beberapa hidupan liar terutama orang utan,

“Melalui teknologi yang betul dan dilaksanakannya di situ, 20ppm BOD yang ditetapkan dapat diperolehi”

Joseph Tin,
Pengurus Ruku Palm Oil Mill,
Kinabatangan

kesan daripada penebangan hutan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, sewaktu melakukan lawatan kerja selama dua hari di Lembangan Kinabatangan baru-baru ini, berkata dalam mencari keuntungan terhadap industri ini, alam sekitar perlu terus dipelihara untuk generasi berikutnya.

Katanya, Sungai Kinabatangan penting sebagai sumber kehidupan mereka yang tinggal dipesisirnya dan untuk itu adalah penting bagi industri sawit memahami keadaan ini.

Sebagai contoh katanya, kilang sawit bergantung kepada air untuk operasi mereka, justeru pengusaha tidak boleh berkompromi terhadap mutu air di Sungai Kinabatangan.

Dalam memastikan kehidupan di Sungai Kinabatangan tidak terjejas akibat industri sawit, Kerajaan Negeri Sabah terutama melalui Jabatan Hidupan Liar Sabah, sentiasa berusaha memastikan pembangunan tidak memberikan kesan yang besar kepada Sungai Kinabatangan dan kehidupannya.

Selain itu, di pihak penguatkuasa iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), pembukaan ladang sawit dipastikan operasinya mematuhi keperluan persekitaran dan tidak mengganggu gugat habitat hidupan liar yang bebas meneruskan kehidupan mereka di situ.

Dalam lawatan kerja itu, Bernard Dompok melakukan tinjauan di dua kilang sawit iaitu Trushidup Palm Oil Mill dan Sungai Ruku Palm Oil Mill bagi melihat operasi rawatan air, efluen kilang sawit

(POME) dan pengiraan darat yang dilaksanakan.

Secara keseluruhan beliau berpuas hati kerana air dirawat yang dilepaskan berada pada tahap dibenarkan Jabatan Alam Sekitar iaitu 20ppm Biological Oxygen Demand (BOD) malah air ini juga tidak memasuki sungai kerana ia disalurkan di persekitaran ladang sawit saja yang sekali gus digunakan pengurusan ladang sebagai sumber makanan tambahan untuk pokok.

Sewaktu di Sungai Ruku Palm Oil Mill, perunding yang terlibat dalam menyediakan kolam rawatan air untuk kilang berkenaan, Joseph Tin, berkata melalui teknologi yang betul dan dilaksanakannya di situ, 20ppm BOD yang ditetapkan dapat diperolehi.

Namun katanya, beberapa keadaan seperti cuaca dan jenis buah yang diproses menyebabkan berlaku sedikit perubahan pada bacaan, namun apa yang pasti, daripada pelaburan yang dilaksanakan pengusaha kilang dalam memberikan yang terbaik kepada industri, usaha untuk tidak mencemarkan Sungai Kinabatangan akibat kegiatan perladangan sawit dapat dilaksanakan.

Daripada penelitian ini, dapat dikatakan, usaha Kerajaan menjadikan industri sawit yang lebih lestari dapat dilaksanakan sekali gus mengelak kritikan yang dilemparkan. Namun apa yang jelas ia tidak akan berjaya sekiranya Kerajaan saja yang menginginkannya, tetapi tidak pada industri.

Dalam soal ini, MPOB juga tidak berkompromi dan mengambil tindakan penguatkuasaan dan ada syarikat di kawasan lembangan Kinabatangan yang menerima tindakan menghenjikan operasi buat sementara apabila operasi mereka didapati mencemarkan nama baik industri.

Pada lawatan kerja itu, Bernard Dompok turut melawat pusat pemuliharaan dan rezab riparian bagi melihat sendiri dua hidupan liar yang menjadikan Lembangan Kinabatangan sebagai habitatnya iaitu monyet proboscis dan orang utan.

Menyusuri Sungai Kinabatangan melihat kedua-dua haiwan ini yang banyak mengisi brosur eko-pelancongan Sabah di dalam habitatnya, memberikan jawapan bahawa walaupun ladang sawit dibuka di Lembangan Kinabatangan, namun haiwan ini mampu terus hidup dan membiak.

Jika ada NGO dan pihak tertentu mengartikan kehidupan haiwan ini terjejas, namun usaha dilaksanakan dalam melindungi kesinambungan generasi haiwan ini membuktikan ia tidak diabaikan.



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok diberi penerangan mengenai sisa buangan sawit (POME) yang telah menjalani proses rawatan di Ruku Palm Oil Mill, Kinabatangan, baru-baru ini. Turut kelihatan Tan Sri Shahrir Abdul Samad (dua dari kanan)



Kolam rawatan air Ruku Palm Oil Mill di Kinabatangan.

Announcement

MPOB

International OIL PALM BIOMASS Conference 2012

20-21 September 2012 • Istana Hotel, Kuala Lumpur

Organized by
MALAYSIAN PALM OIL BOARD
MINISTRY OF PLANTATION INDUSTRIES AND COMMODITIES, MALAYSIA
www.mpo.org.my

Perangkap lekat kurangkan populasi ulat bungkus

» Inovasi pulih hasil tandan buah sawit pekebun kecil

Oleh Habsah Dinin
each@mpob.gov.my

Kaedah pemasangan perangkap lekat untuk memerangkap ulat bungkus atau beluncas berjaya mengurangkan populasi ulat bungkus dan kerosakan pada pelepah sawit sekali gus memulihkan hasil peningkatan tandan buah sawit kepada pekebun kecil.

Pemerangkapan ulat bungkus ini menyumbang kepada program kawalan perosak bersepadu (IPM) ulat bungkus di ladang sawit.

Ulat bungkus adalah perosak utama tanaman sawit, mempunyai peringkat rama-rama jantan yang berterbangan mencari peringkat betina untuk mengawan.

Perangkap lekat menggunakan umpan betina rama-rama dewasa sebagai feromon. Strateginya adalah memerangkap rama-rama jantan dalam bilangan banyak untuk mengawal aktiviti mengawan dan bertelur, seterusnya menurunkan bilangan populasi ulat bungkus generasi berikutnya.

Harga murah

Malah kerja memasang perangkap lekat mudah dilakukan pekebun kecil sawit. Harganya murah kerana ia hanya menggunakan perangkap lekat yang boleh diguna semula pekebun kecil.

Penggunaan perangkap lekat dapat mengurangkan penggunaan racun kimia dan sangat mesra kepada alam sekitar.

Selain memerangkap ulat bungkus, perangkap lekat juga boleh digunakan memerangkap serangga perosak.

Perangkap lekat diperbuat daripada dua kepingan zink atau plastik empat segi bersaiz 30 x 30 cm dengan menyisipkan keduanya hingga menjadi bentuk kekipas.

Perangkap ini akan disembur dengan gam polibutena. Setiap perangkap diumpan dengan empat ekor betina matang. Perangkap lekat ini kemudiannya digantung pada pancang kayu sepanjang 2 meter di kawasan pokok tua tinggi atau terus digantung pada pelepah pokok muda yang rendah.

Ujian tangkapan dilakukan di beberapa blok pekebun kecil di Teluk Intan, Perak kepada pokok sawit berumur 6 hingga 16 tahun



1 Peringkat larva lewat Metisa plana.



4 Peringkat pupa betina Pteroma pendula.



2 Peringkat larva lewat Pteroma pendula.



5 Bukaan di hujung sarung pupa Metisa plana, menandakan betina sudah matang dan bersedia untuk mengawan.




3 Peringkat pupa betina Metisa plana.



6 Kepala betina yang keluar-masuk menunjukkan ia mengeluarkan feromon untuk menarik rama-rama jantan.



7 Tangkapan rama-rama yang tinggi bagi sebuah perangkap lekat.



8 Perangkap lekat yang digantung pada pancang kayu bagi pemerangkapan di kawasan pokok tinggi.

FAKTA NOMBOR

RM435 kos

pemerangkapan ulat bungkus untuk tiga pusingan

bagi M. plana dan di antara 4 hingga 13 tahun bagi P pendula di mana perangkap dipasang di kawasan serangan pada pusingan lebih kurang 2.5 bulan untuk M. plana dan 1.5 bulan untuk P. pendula selama dua minggu bagi setiap pusingan.

Peringkat larva lewat boleh dikutip dari ladang untuk dipelihara ke peringkat betina dalam tempoh 3 minggu (P. pendula) dan 1.5 bulan (M. plana) selepas pemerangkapan dilakukan.

Pusingan pemerangkapan bergantung kepada populasi dan kepadatan ulat bungkus, serta bilangan perangkap dipasang.

Secara purata, bilangan rama-

rama tertangkap antara 1.7 hingga 186 individu/perangkap/hari. Bilangan tangkapan akan berkurangan pada minggu kedua, disebabkan tempoh reseptif betina dewasa hanyalah 9 hari.

Memandangkan perangkap lekat diperbuat daripada bahan zink atau plastik serta gam polibutena, kos membuat satu unit perangkap adalah kira-kira RM8 dengan kadar 40 perangkap setiap hektar.

Oleh itu kos pemerangkapan untuk tiga pusingan adalah RM435 dan ini adalah 35 peratus lebih murah dari kos menyuntik racun serangga sebanyak tiga pusingan (RM666).

Perangkap juga boleh diguna semula untuk pusingan seterusnya.

ANNOUNCEMENT

2012

NATIONAL SEMINAR ON
PALM OIL MILLING, REFINING,
ENVIRONMENT AND QUALITY

POMREQ

27-28 November 2012
Magellan Sutera Harbour Resort
Kofa Kinabalu, Sabah

ENQUIRIES

Ruhah Masri 03-8769 4567
rubaah@mpob.gov.my

Solehah Abd Bab 03-8769 4867
solehah@mpob.gov.my

Organised by
MALAYSIAN PALM OIL BOARD
MINISTRY OF PLANTATION INDUSTRIES AND COMMODITIES, MALAYSIA
www.mpob.gov.my



Dunggat Anak Ganai seorang pesara tentera berjaya membuktikan beliau mampu **mengusahakan tanaman sawit seluas 4.67 hektar.**

Dunggat pekebun sawit contoh Sarawak

» *Projek integrasi di ladang sawit hasil bantuan MPOB tingkat pendapatan*

Oleh Mohd Arfan Johari dan Awang Saupian Awang Mumin
 arfan@mpob.gov.my / awgsaufian@mpob.gov.my

Rh Daud, Bratong, Roban Sarawak, di sinilah tempat tinggal seorang pesara tentera berpangkat Pegawai Waran (1) yang bernama Dunggat Anak Ganai. Dengan nilai disiplin tinggi yang tersemat di dalam dirinya, setiap pekerjaan yang dilakukan akan dilaksanakan dengan teliti dan sempurna.

'Kegigihan dan usaha yang berterusan akan membuahkan kejayaan', itulah kata-kata hikmat dan pegangan hidup bagi insan berusia 57 tahun ini. Hasil perkongsian hidup dengan isteri tercinta, beliau dikurniakan dua orang cahaya mata.

Pada 2006, beliau membabitkan diri dalam penanaman kelapa sawit untuk menggantikan tanaman lada hitam yang diusahakannya sebelum ini.

Menurut beliau, pengurusan dan penjagaan tanaman sawit yang lebih mudah berbanding tanaman lada hitam menarik mi-

“*Pengurusan dan penjagaan tanaman sawit yang lebih mudah berbanding tanaman lada hitam menarik minat saya dalam industri sawit*”

Dunggat Anak Ganai, Pekebun sawit



Integrasi ternakan kambing memberi banyak manfaat **hasil bantuan MPOB melalui skim Bantuan Ternakan.**

kan integrasi ternakan kambing yang memberi banyak manfaat kepada beliau. Pekerjaan beliau sebagai pekebun sawit sepenuh masa telah membantu beliau berjaya dalam aktiviti integrasi ini. Kambing jenis Boer yang dipelihara beliau adalah hasil bantuan MPOB melalui skim Bantuan Ternakan di bawah program RMK-9 pada 2010.

Pada awalnya, beliau menerima sebanyak 10 ekor kambing betina dan seekor jantan, dan kini ternakan yang dimiliki berjumlah 31 ekor terdiri daripada 13 ekor jantan dan selebihnya betina. Pelaksanaan integrasi sawit dengan ternakan diusahakan

adalah yang paling berjaya di negeri Sarawak berbanding peserta lain.

Untuk mengawal kambing-kambing berkenaan sewaktu meragut, Dunggat mengamalkan kaedah semi-intensif di mana dengan bantuan dua ekor anjingnya yang dilatih, kambing-kambing beliau akan diawasi anjing yang terlatih bagi membolehkan beliau melakukan aktiviti lain.

Ternak ikan air tawar

Bagi menambah pendapatan, beliau juga memelihara ikan air tawar jenis tilapia merah dan ayam kampung untuk kegunaan sendiri.

Kejayaan integrasi ternakan dengan sawit yang diusahakan menarik minat pelbagai pihak termasuklah lawatan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Normala bersama rombongan pada 12 April lalu.

Dalam lawatan terbabit, Datin Paduka Normala ternyata berpuas hati dengan usaha gigih yang ditunjukkan Dunggat. Lawatan daripada pegawai tertinggi Kerajaan sebegini menaikkan lagi semangat beliau untuk terus berusaha dengan lebih gigih.

Sedia kongsi ilmu

Dengan sifat kegigihan dan pencapaian yang dimiliki telah menjadikan beliau antara pekebun contoh di kawasan Roban, Saratok. Beliau dengan murah hati sentiasa bersedia untuk berkongsi ilmu dan pengalaman yang



Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Normala bersama rombongan **melawat ladang sawit Dunggat pada 12 April lalu.**

Berita gembira dari Rio de Janeiro

» Rio+20 sokong usul basmi kemiskinan, menjamin kelangsungan makanan dunia



Keputusan Persidangan Kemuncak Alam Sekitar Sedunia (Rio+20) di Rio de Janeiro baru-baru ini adalah satu kemenangan mutlak kepada negara-negara membangun di seluruh dunia. Kini, takrifan jelas sudah mula kelihatan apabila agenda sosial dan ekonomi dunia dibincangkan. Kepentingan dan pandangan negara-negara membangun sudah mula mendapat perhatian.

Contohnya, isu-isu yang berkaitan dengan membasmi kemiskinan dan melindungi kelangsungan makanan dunia menjadi agenda utama perbincangan di Rio.

Isu-isu yang dilihat sebagai anti-pertumbuhan ekonomi seperti yang dicanangkan oleh beberapa NGO alam sekitar barat selama ini mendapat kurang perhatian ataupun ditolak terus.

Malah, usul beberapa ahli persidangan dari Eropah yang pro-perindustrian supaya peraturan baru mengenai perubahan iklim ini mendapat kurang perhatian kerana sudah ditolak oleh sebahagian besar perwakilan lain.

Perwakilan dari negara membangun dengan sebulat suara mendesak dewan persidangan membahaskan juga isu yang berkaitan dengan keperluan sosial dan ekonomi disamping isu alam sekitar. Walaupun kenyataan rasmi persidangan ini sekali lagi menekankan tentang perlunya pembangunan lestari, ia dengan jelas menekankan bahawa pertumbuhan ekonomi yang teguh dan peningkatan taraf hidup juga perlu diambil kira untuk mencapai pembangunan lestari.

Satu cara lagi melihat kejayaan di Rio ini adalah dengan menilai perkara yang dipinggirkan di dalam kenyataan rasmi Persidangan ini. Misalnya, tiada seba-

rang rujukan dibuat mengenai Program Usahasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pengurangan Pencemaran daripada Kesan Pembasmian dan Penggunaan Hutan di Negara-Negara Membangun (United Nations Collaborative Programme on Reducing Emissions from Deforestation and Forest Degradation in Developing Countries (REDD) programme.

“**Walaupun para NGO pro-alam sekitar dan pegawai-pegawai kerajaan yang bersekongkol dengannya di Eropah masih kabur mengenai hal ini, penanaman sawit juga mampu melindungi hutan daripada ditebang**”

Terima sokongan padu

Program ini menerima sokongan padu daripada kumpulan ‘hijau’ kerana ia mampu mengehendkan perkembangan pertanian perladangan. Perwakilan dari negara-negara membangun telah sebulat suara menolak program-program seperti REDD kerana kesannya yang buruk terhadap para petani kecil dan pertumbuhan ekonomi.

Malah, kenyataan rasmi mengenai kelangsungan makanan menekankan pentingnya hasil pengeluaran pertanian dipertingkatkan. Ini tidak dapat disangkal lagi kerana dunia akan menampung bilangan penduduk yang semakin bertambah sehingga 10 bilion orang pada 2050.

Pandangan ini disokong beberapa institusi-institusi terkenal di Barat seperti Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan Dunia (Organization for Economic Cooperation and Development).

Majoriti penduduk yang kaya-raya di negara-negara maju lupa tentang kepentingan peranan pertanian perladangan terhadap pertumbuhan ekonomi mereka suatu ketika dahulu.

Pasaran baru yang muncul pada hari ini, bagaimanapun, menyedari tentang kepentingan pelaburan di dalam sektor pertanian untuk menjana peningkatan peluang pekerjaan, pendapatan dan peluang perniagaan yang baru.

Dedah kepincangan

Ketika Persidangan Rio+20 ini berlangsung, jurnal *Science* menerbitkan satu laporan utama yang sekali lagi mendedahkan kepincangan anggaran pengeluaran gas ‘rumah hijau’ daripada aktiviti penebangan hutan dan pembersihan tanah, anggaran sama yang diguna pakai PBB, Bank Dunia serta agensi-agensi terkemuka dunia yang lain.

Nancy Harris dari Winrock International, sebuah agensi penyelidikan terkemuka dunia, mengesahkan bahawa dakwaan-dakwaan mengenai tahap pencemaran yang membimbangkan daripada pembasmian hutan di negara-negara tropika adalah tidak berasas sama sekali.

Perlu diingat, dakwaan-dakwaan yang salah ini sudah digunakan sebagai asas untuk memperkenalkan dasar-dasar merbahaya yang direka untuk mengehendkan pertumbuhan sektor pertanian serta penggunaan tanah di Malaysia dan di negara-negara lain.

Kepada mereka yang arif mengenai keadaan semasa ekonomi, sosial dan pertanian, kenyataan oleh Nancy Harris ini tidak mengejutkan. Mereka sudah lama mengesyaki dakwaan mengenai pencemaran daripada aktiviti-aktiviti penebangan hutan dan penggunaan tanah adalah

tidak benar dan jauh tersasar dari realiti yang sebenarnya.

Perangkap gas ‘rumah hijau’

Secara amnya, penanaman sawit memerangkap gas ‘rumah hijau’ lebih banyak berbanding yang ia keluarkan. Walaupun fakta ini tidak disenangi oleh NGO-NGO pro-alam sekitar, ia membantu menjawab persoalan mengenai anggaran baru yang lebih tepat.

Walaupun para NGO pro-alam sekitar dan pegawai-pegawai kerajaan yang bersekongkol dengannya di Eropah masih kabur mengenai hal ini, penanaman sawit juga mampu melindungi hutan dari ditebang. Sebagai tanaman kontan yang berproduktiviti tinggi, sawit menjana pendapatan yang lebih dari mencukupi untuk memenuhi keperluan ekonomi petani, pemilik ladang dan negara-negara pengeluar.

Dana kewangan mencukupi bermakna lebih banyak kawasan hutan boleh dilindungi atau dipulihkan. Sebagai contoh, cukai pendapatan daripada industri sawit adalah lebih tinggi berbanding dengan cukai pendapatan hasil eksport balak di Sabah.

Skema ini membolehkan kerajaan Sabah mengurangkan aktiviti pembalakan berbanding masa lalu disamping membolehkan hutan tumbuh semula. Dengan cara ini, Sabah kini mampu memulihara hutan di sebahagian besar keluasan tanahnya manakala hanya kira-kira 15 peratus lagi digunakan untuk pertanian.

Bersaing peringkat global

Di Persidangan Rio+20, para perwakilan juga menyuarakan sokongan tegas terhadap tindakan yang mengekalkan sistem perdagangan ekonomi bebas. Ini bermakna Malaysia dan negara-negara lain boleh terus bersaing pada peringkat global dengan bakat tersendiri dan sumber semula jadi meningkatkan taraf ekonomi.

Kini genap 20 tahun Sidang Kemuncak Dunia (Earth Summit) diadakan buat pertama kalinya di Rio di mana banyak agenda-agenda ideologi yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan kehendak keadaan semasa dunia telah diperkenalkan oleh organisasi-organisasi ‘hijau’ dan rakan-rakan mereka yang menetap negara-negara kaya.

Perkhabaran daripada Persidangan Kemuncak Rio+20 menunjukkan bahawa suara kita akhirnya telah didengar, dihormati, dan dipatuhi. Walaupun masih banyak yang perlu dilakukan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi kita, satu kemenangan besar dicapai di Rio.

[Artikel ini disunting dan diterjemahkan daripada artikel asal yang bertajuk, Good News from Rio. Sila layari www.ceopalmoil.com untuk mendapatkan salinan asal artikel ini]

KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia
Khasiat sejati. Anugerah alam semulajadi.



IMPAC latih tenaga kerja tempatan sektor komoditi

Sumber manusia adalah salah satu faktor penting dalam pelaksanaan sesuatu tugas terutama bagi tujuan pembangunan sektor tertentu. Telah diketahui umum juga pembangunan sumber manusia atau modal insan adalah di antara faktor-faktor penentu kritikal kepada kemerginayaan sesebuah organisasi. Pembangunan modal insan dikenal pasti mampu untuk melonjakkan kemerginayaan peribadi individu dan seterusnya berkembang luas ke peringkat yang lebih besar seperti keluarga, masyarakat dan negara. Dalam konteks Malaysia pembangunan modal insan menjadi fokus dalam agenda dan rancangan pembangunan negara terutama bagi memastikan status negara berpendapatan tinggi dicapai menjelang tahun 2020.

diti telah menggariskan beberapa strategi iaitu menggabungkan dan mengoptimalkan semua sumber yang ada di bawah enam agensi yang terlibat sebagai sebuah pusat kecemerlangan latihan di dalam sektor komoditi. Selain itu, IMPAC juga bekerjasama erat dengan pihak industri dalam merangka kurikulum kursus dan penempatan pelajar semasa sesi praktikal bagi memastikan semua pelatih mendapat latihan secukupnya sebelum menceburi sektor perladangan komoditi.

Bagi memenuhi hasrat tersebut, IMPAC menawarkan kursus umum dan spesifik mengenai sesuatu komoditi. Pelbagai kursus ditawarkan kepada pelbagai golongan yang berminat menceburkan diri dalam sektor komoditi. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh IMPAC meliputi komoditi seperti sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf dan tembakau. Kursus berasaskan komoditi dijalankan oleh IMPAC dengan kerjasama enam agensi di bawahnya di pusat-pusat latihan sedia ada seperti di Pusat Latihan Sawit Malaysia di Lahad Datu, Sabah; Akademi Havea, Sg Buluh, Selangor; Wood Industry Skill Development Centre (WISDEC), Banting, Selangor; Pusat Latihan Koko, Kota Kinabalu, Sabah; Pusat Latihan Lada, Kuching, Sarawak; dan Pusat Latihan Tembakau, Kota Bharu, Kelantan.

Beri pendedahan dan latihan

IMPAC yang berperanan memberi pendedahan dan latihan kepada belia adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan bagi membangun dan memperkasakan modal insan di sektor komoditi. Perkara ini sangat penting kerana sektor komoditi merupakan salah satu penjana ekonomi negara. Melalui Dasar Industri Komoditi Negara (DIKN) 2011-2020, kerajaan mensasarkan

peningkatan pendapatan eksport komoditi ke paras RM242.6 billion menjelang tahun 2020. Peningkatan pendapatan ini boleh diperhebatkan lagi dengan memperkasakan modal insan yang terlatih dan berdaya saing dalam sektor komoditi perladangan.

Kurang tenaga kerja asing

Menerusi penubuhan IMPAC juga kerajaan berharap pergantungan negara kepada tenaga kerja asing dapat dikurangkan. Ini kerana di sektor perladangan secara umumnya, tenaga kerja adalah terdiri daripada tenaga kerja asing, terutamanya dari Indonesia yang bekerja sebagai penuai, pengumpul tandan buah segar dan pekerja di ladang untuk kawalan rumpai dan pembajaan. Oleh yang demikian, dengan adanya IMPAC diharapkan pergantungan kepada tenaga kerja asing dapat dikurangkan. Ini sekali gus akan menyekat pengaliran keluar wang negara yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan ekonomi setempat.

IMPAC bukan sahaja melatih golongan belia dan lepasan sekolah untuk menceburi sektor komoditi perladangan tetapi juga berusaha melatih bakal usahawan. Menerusi latihan keusahawanan seperti Kursus Asas Keusahawanan Coklat Buatan Tangan, IMPAC berusaha membantu bakal usahawan baru untuk menyiapkan diri mereka menjadi seorang usahawan dan insan cemerlang dalam perniagaan coklat. Peluang seperti ini harus digunakan sepenuhnya oleh golongan yang mencari-cari peluang pekerjaan dan perniagaan.

Kesimpulannya, pembangunan modal insan penting bagi memastikan pembangunan negara berada pada landasan yang betul. Justeru, IMPAC yang berperanan membangunkan tenaga kerja yang berkualiti bagi sektor komoditi menerusi latihan yang dirancang dan bermanfaat untuk industri harus terus berusaha bagi merealisasikan visi dan misinya.

INFO

PEMENANG PERTAMA

- Muhamad Zulazreen Samad
- K/P: 950831-01-6337
- SMK Bukit Naning, 84200 Muar, Johor.

IMPAC bangunkan modal insan

Dalam konteks sektor komoditi, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) bagi membangunkan modal insan yang seterusnya akan menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan industri komoditi negara. IMPAC yang ditubuhkan pada tahun 2010 bertujuan menggabungkan dan menyelaraskan semua kursus dan latihan yang dilaksanakan oleh agensi di bawah MPIC di bawah satu organisasi. Penubuhan IMPAC sangat bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja terlatih di dalam sektor komoditi yang merupakan salah satu sektor terbesar menyumbang kepada pendapatan eksport negara.

IMPAC yang mempunyai misi untuk melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan melalui latihan berasaskan akademik dan kemahiran bagi memenuhi keperluan industri komo-

Peraduan mengarang esei Berita Sawit September 2012

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Sawit bantu tingkat pendapatan penduduk luar bandar. Bincangkan".

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
Hadiah Pertama: RM250
Hadiah Kedua: RM200
Hadiah Ketiga RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Oktober 2012 akan datang.

Syarat Penyertaan:

- Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
- Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
- Keputusan juri adalah muktamad
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada 25 September 2012

● Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad
(Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Ogos 2012

Pemenang:

Hadiah Pertama
Muhamad Zulazreen Samad
(No. K/P: 950831-01-6337)
SMK Bukit Naning,
84200 Muar, Johor

Hadiah Kedua – Tiada pemenang

Hadiah Ketiga – Tiada pemenang

KUIZ SAWIT siri 21

Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah;
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang;
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 25 September 2012
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 21)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 21

1. Berikut adalah komoditi yang diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), kecuali...
 Getah Kayu Kayan Petroleum
2. DKN adalah singkatan...
 Dasar Kemahiran Negara Dasar Kreativiti Negara
 Dasar Komoditi Negara
3. MPAC adalah organisasi yang menggabungkan penganjur latihan dan kursus bagi agensi di bawah MPIC...
 Betul Salah
4. Agensi berikut terletak di bawah MPIC kecuali...
 Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara
 Lembaga Minyak Sawit Malaysia
 Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
5. Ringkasan bagi Skim Diskaun Cantas ialah...
 SOC SKIDIC SKIDICAN
6. Berikut adalah perosak tanaman sawit, kecuali...
 Ulat bungkus Kumbang badak Burung hantu
7. Kulat Ganoderma adalah penyebab penyakit reput pangkal batang pada pokok sawit
 Betul Salah
8. Baja GanoEF mampu mengawal dan mengurangkan kehadiran kulat Ganoderma pada pokok sawit
 Betul Salah
9. Apakah vitamin yang terdapat dalam minyak sawit
 Vitamin B Vitamin C Vitamin A dan E
10. Pilih satu spesies buah sawit yang ditanam di Malaysia
 Dura Elaies Rossa

Nama pemenang Siri 20

- **Ainnur Shamimi Mohd Noor**
Sek. Keb. Kg Kuantan, Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor
- **Nurnabilah Mohd Jeeplus**
Sek. Keb. Pulau meranti, Puchong, Selangor
- **Nurul Fitrah Hadrat Syah**
Sek. Keb. Taman Desa, Bandar country Homes, Rawang, Selangor
- **Muhamad Faridfikri Mohamad Badrin**
Sek. Keb. Tangga batu, Tangga Batu Melaka
- **Nur Aliah Abdullah**
Sek. Keb. Sg. Korok Lama, Alor Setar, Kedah
- **Muhd Saifuddin Baharum Shah**
Sek. Keb. Paroi, Seremban, Negeri Sembilan
- **Muhammad Firdaus Mohd Johan**
Sek. Keb. Kem Gemas, Gemas, Negeri Sembilan
- **Effika Izziana Abd Hadi**
Sek. Keb. Selayang Baru 1, Batu Caves, Selangor
- **Mohd Hazim Ahmad Ghazali**
Sek. Keb. Bukit Naga, Seksyen 32, Shah Alam, Selangor
- **Syalin Nurini Shahrul Izwan**
Sek. Keb. Gangsa, Hang Tuah Jaya, Durian Tunggal, Melaka



Tan Sri Bernard Dompok bersama Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, Datuk Ewon Ebin (duduk empat dari kanan), Ketua Pengarah MPOB merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah IMPAC, Datuk Dr Choo Yuen May (duduk empat dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif IMPAC, Dr Chan Kook Weng (duduk tiga dari kanan) bersama penerima Sijil IMPAC bagi Kursus Asas Penuaian Buah Sawit pada Majlis Penganugerahan Sijil IMPAC Bil. 2 di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu baru baru ini.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan Jalur Gemilang kepada Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May sempena Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan Ke 55, Peringkat Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi baru-baru ini. Turut kelihatan Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (dua dari kiri).



Tan Sri Bernard Dompok melawat pameran MPOB sambil mendengar penjelasan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), Dr Ahmad Kushairi Din sempena Majlis Perasmian Pensijilan Pekebun Kecil di Ranau, Sabah baru-baru ini. Turut kelihatan Setiausaha Bahagian Industri Sawit dan Sagu MPIC, Aknan Eh Took (kanan).



Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (berdiri kiri) menyaksikan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Naib Cancellor UKM, Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bagi pembiayaan penyelidikan di bawah Kursi Endowmen MPOB-UKM. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (kanan) dan Timbalan Naib Cancellor, Jaringan Industri dan Masyarakat UKM, Prof Datuk Dr Saran Kaur Gill (kiri).



Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad (lima dari kanan) dan Datuk Dr Zawawi Yusof (tiga dari kiri) pada Majlis Berbuka Puasa MPOB baru-baru ini. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (empat dari kanan) dan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo (dua dari kiri).



Menteri Ekonomi Mexico, Bruno Ferrari menandatangani Buku Pelawat sempena lawatan kerja di MPOB baru-baru ini. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB Ahmad Sidek Stroo (kiri) dan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Khidmat Korporat, Dr Burhanuddin Abdul Salam (kanan).